

# Usahawan PKS perlu perkasa teknologi kewangan

**Inisiatif MyDIGITAL** diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yasin, dianggap sebagai pelengkap kepada dasar pembangunan negara.

Seperti diumumkan, rangka tindakan ekonomi digital Malaysia ini dijangka membuka 500,000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital, menerusi gabungan inisiatif dan sasaran merentasi tiga fasa pelaksanaan hingga 2030.

Mengambil kira sasaran itu, maka inisiatif ini perlu disambut baik semua lapisan rakyat bermula pimpinan atasan hingga golongan bawahan.

Selaras pengumuman Perdana Menteri, penggunaan *fintech* atau teknologi kewangan secara menyeluruh boleh membawa revolusi baharu dalam industri kewangan dan pelaburan secara berperingkat.

Selain itu, pelaksanaan inisiatif pen-

digitalan ini dapat memantapkan lagi usaha membantu rakyat serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sekaligus sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi.

Pada era MyDIGITAL ini, *fintech* perlu digunakan sebaik mungkin terutama bagi PKS untuk memperluaskan penguasaan perniagaan ke peringkat lebih tinggi.

PKS ialah tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan jumlah usahawan sektor berkenaan juga semakin bertambah hingga 98.5 peratus daripada perniagaan di negara ini kini tergolong kategori itu.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, memaklumkan, cara berniaga dalam suasana norma baharu memerlukan peniaga menerapkan penggunaan teknologi dalam sistem perniagaan bagi memudahkan kerja seharian.

"Kita tidak lagi boleh bertindak seperti tahun sebelum ini. Kita perlu me-

ngikut cara baharu dan tiga kunci atau elemen perlu diberi perhatian ialah e-dagang, digitalisasi dan automasi," katanya.

Dalam konteks digitalisasi sebagai contoh, jika sebelum ini menggunakan komputer, sekarang kita boleh gunakan telefon pintar, selain memanfaatkan media sosial.

Dari segi cara pembayaran pula, *fintech* bertindak menginovasikan transaksi dengan penyesuaian teknologi.

Kemudahan seperti e-pembayaran, urusan niaga tanpa tunai dan jualan berasaskan kod respons pantas (QR) memudahkan perniagaan mereka.

Bagi mendukung usaha kerajaan ini, usahawan PKS mengambil langkah dengan mendaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membolehkan mereka membuka akaun bank serta membuat transaksi secara e-dagang.

Bukan itu sahaja, malah pendaftaran

usahawan PKS secara formal ini membolehkan kerajaan mengenal pasti usahawan layak menerima bantuan.

Oleh itu, bagi menyokong penggunaan *fintech* pada era MyDIGITAL, semua pihak baik kerajaan atau usahawan PKS perlu memainkan peranan penting bagi memastikan ia berjaya dilaksanakan.

Realitinya, Malaysia memerlukan sektor kewangan merangkumi kepelbagaian tawaran daripada kemudahan teknologi digital untuk menyediakan perkhidmatan lebih kompetitif kepada PKS.

Usaha ini secara tidak langsung dapat membantu PKS untuk lebih maju dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi memandangkan sektor keusahawanan memberi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) 38 peratus ketika ini dengan sasaran 2030 ialah 50 peratus.

**Penulis adalah** Pensyarah Kewangan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor



Nik Nur Shafika Mustafa